



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “IBADAH RAMADAN: MEMPERBAIKI DIRI - MEMPERKASA UMMAH”

24 Mac 2023 / 2 Ramadan 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِبِعَمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،  
وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ  
السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنَ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita menjadi insan beriman dan bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Alhamdulillah dengan limpah kurnia Illahi, jantung kita masih berdenyut, tubuh kita masih bernafas; kita masih dikurniakan usia, sekali lagi dapat menyambut bulan Ramadan al-Mubarak untuk menunaikan ibadah puasa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “IBADAH RAMADAN: MEMPERBAIKI DIRI - MEMPERKASA UMMAH”

Firman Allah SWT ayat 183 surah al-Baqarah:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas umat sebelum kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa.

Ayat tersebut ialah perintah kewajipan berpuasa yang Allah SWT fardukan kepada orang beriman. Selama sebulan Ramadan, umat Islam difardukan berpuasa setiap hari, menahan diri daripada makan, minum dan melakukan perkara-perkara yang

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar hingga terbenam matahari. Terkandung pelbagai kelebihan dan ganjaran dalam bulan Ramadan, yang tidak ada dalam bulan-bulan lain. Sabda Baginda SAW:

قَدْ جَاءَكُمْ شَهْرُ رَمَضَانَ شَهْرٌ مُبَارَكٌ افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ يُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ  
وَيُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ وَتُغَلُّ فِيهِ الشَّيَاطِينُ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ مَنْ حُرِمَ  
خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ.

Bermaksud: Sesungguhnya Ramadan telah datang kepada kamu, bulan yang penuh keberkatan. Padanya Allah memfardukan puasa ke atas kamu, padanya pintu-pintu syurga dibuka manakala pintu-pintu neraka ditutup, syaitan-syaitan dibelenggu dan padanya terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Siapa yang tidak mendapatkan kebaikan di dalamnya, maka sesungguhnya dia telah terhalang darinya.

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Tujuan mensyariatkan puasa adalah untuk membolehkan ummah meraih ketakwaan. Maha suci Allah menjadikan bulan ini penuh dengan rahmat dan keberkatan. Bagi meraih ketakwaan tersebut, segala kebaikan dilipat gandakan ganjarannya, segala kelebihan dan keistimewaan dicurahkan kepada hamba Nya. Ramadan diibaratkan seperti *madrasah* atau sekolah, membolehkan orang beriman dapat melatih diri bersifat sabar, memupuk ihsan, menahan nafsu, mendisiplinkan diri, mempergandakan ibadah seterusnya melakukan perubahan.

Ramadan adalah medan mendidik diri; menawarkan peluang untuk ummah mempertingkatkan iman, memperbaiki diri ke arah lebih baik, serta membersihkan jiwa rohani, di samping beroleh manfaat kesihatan tubuh badan. Pelbagai amal kebaikan dan ibadah dianjurkan untuk dilipatgandakan dalam bulan Ramadan, antaranya membaca al-Quran, bertadarus, bersolat terawih, bertahajud, berzikir, beristighfar, berselawat, beriktikaf, bersedekah, bersahur, menyediakan makanan untuk berbuka puasa dan bersahur.

Ramadan mengandungi keistimewaan, menjelmakan suasana ibadah yang luar biasa, menyuntik semangat berlumba-lumba dalam kalangan orang beriman melakukan kebaikan dan kebajikan. Ramadan menghidupkan jiwa insani, sifat belas kasihan



dan sifat pemurah. Berpuasa menginsafkan manusia betapa penderitaan yang dialami oleh golongan fakir miskin yang terpaksa berlapar dahaga kerana tiada makanan atau terputus bekalan makanan.

Ketika berpuasa, ummah dituntut menjaga adab-adabnya, antaranya meninggalkan perbuatan sia-sia, tidak berdusta, tidak mengumpat, tidak tidur berlebihan pada siang hari, berjimat cermat dan tidak melakukan pembaziran, menjaga panca indera daripada mengundang perbuatan dosa, dan menjauhi perbuatan-perbuatan yang boleh mengakibatkan terhapusnya pahala ibadah, mengakibatkan puasa sekadar perbuatan menahan lapar dan dahaga.

### **Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,**

Mimbar memperingatkan lima keistimewaan yang terkandung atau berlaku dalam bulan Ramadan;

**Pertama:** Masa untuk berfikir dan merenung diri, meningkatkan disiplin dan menginsafi kesusahan sebahagian manusia terutama orang miskin lalu mendorong kita bersifat pemurah, mahu membuat sebanyak-banyak kebajikan, terutama berwakaf dan bersedekah. **Kedua:** Bulan diturunkan al-Quran, oleh itu hargai kemuliaan bulan ini dengan banyak membaca al-Quran, sebaiknya berusaha memperbaiki bacaan al-Quran.

**Ketiga:** *Lailatul Qadar* iaitu malam ketetapan, merupakan malam yang khusus terjadi pada bulan Ramadan, malam yang dikatakan dalam surah al-Qadr lebih baik daripada seribu bulan. **Keempat:** Bulan yang penuh pengampunan dan berkah, setiap amalan dan ibadah dilipatgandakan nilai pahalanya, oleh itu banyakkkan amalan, banyakkkan bertaubat, beristighfar, berzikir, berselawat dan berdoa. **Kelima:** Bulan yang meningkatkan silaturahim kerana umat berpeluang melakukan lebih banyak kegiatan secara kumpulan melalui majlis iftar atau berbuka puasa, atau berada secara berkumpulan lebih lama dalam masjid, bersolat tarawih iaitu solat yang khusus diadakan dalam bulan Ramadan, di samping bertadarus dan berqiamullail.

Sekiranya tersirat, Ramadan ini merupakan Ramadan terakhir untuk kita, berazamalah, bertekad dan mohon ihsan Ilahi, membuka pintu hati kita menjadikan Ramadan kali ini, Ramadan yang terbaik bagi kita, yang dipenuhi dengan sebanyak-banyak amal dan ibadah. Mimbar turut memperingatkan ummah agar segera menunaikan zakat fitrah yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Kurniai kami, serta ahli keluarga kami, kesihatan untuk membolehkan kami melaksanakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima, iaitu berpuasa sepanjang bulan Ramadan. Sembuhkan kami daripada segala penyakit. Berkati rezeki yang Engkau kurniakan kepada kami dengan membuka pintu hati kami bersifat pemurah untuk bersedekah jariah. Terimalah ibadah puasa dan segala ibadah kami dalam bulan yang mulia ini.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibi Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.